

BENDI

Nama Saintifik:

Abelmoschus Esculentus,
Hibiscus Esculentus (L.)

Pendahuluan:

Bendi dipercayai berasal dari Afrika Utara. Sejenis sayuran buah yang berlendir. Sayuran ini sesuai dimasak pelbagai cara seperti kari, salad dan di goreng.

Penanaman:

Boleh ditanam pada tanah jenis gembur berpasir, tanah liat, tanah gambut dan tanah-tanah lembah sungai yang bersaliran baik.

KETERANGAN BOTANI

Batang :

Tegak, berwarna hijau dan mempunyai banyak cabang. Tinggi 1.0 - 2.0m .

Daun :

Berwarna hijau, berbentuk palmate dan mempunyai susunan alternate. Tangkai daun berwarna hijau atau kemerahan.

Bunga :

Besar, kelopak berwarna kuning dengan warna merah tua di tengah-tengah.

Buah :

Jenis yang popular berwarna hijau, berbentuk bersegi-segi dan berbulu .

KEPERLUAN ASAS TANAMAN

Suhu :
24 - 32°C .

Taburan hujan :
300 mm/musim

Ketinggian :
Sehingga 500m atas paras laut

Jenis tanah :
Berbagai jenis tanah termasuk tanah gambut, BRIS dan tanah bekas lombong .

pH tanah :
5.5 - 6.5

AMALAN KULTUR

Penanaman di ladang :

Jenis bahan tanaman : Biji benih
Keperluan biji benih: 3 kg
Rawatan biji benih: Guna racun thiram pada kadar 3g/1000 g biji benih.
Jarak tanaman: 90 cm di antara pokok dalam 1 baris/batas 1.5 m di antara baris
Kepadatan tanaman: 5,487 pokok
Menyulam: 1 minggu selepas menanam

Penanaman dalam pasu :

- Masukkan 1 atau 2 biji benih per lubang.
- 1 pasu cukup untuk 1 pokok sahaja.
- Sekitar 5 hingga 7 hari, anak benih akan bercambah.

PENJAGAAN

Membaja :

Tabur baja sebatian NPK blue special (12:12:17:2) sebanyak 20-30gm/pokok disekeliling pokok setiap 2 minggu.

Menyiram :

Siram 2 kali sehari pada waktu pagi dan petang.

Siraman Cuka Kayu:

Cuka kayu berfungsi sebagai penghalau serangga, pemulih tanah dan penyubur pokok.

Cara penggunaan:

- Bancuh cuka kayu 1ml : 500ml air
- Sembur di pucuk sehingga ke pangkal pokok dan ke media semaian sebanyak 2 kali seminggu.

KAWALAN MUSUH DAN PENYAKIT

Musuh utama tanaman bendi ialah serangga dan perosak seperti ulat pengorek dan kepinding buah yang merosakkan buah-buah bendi.

Gunakan racun serangga seperti diazonin, lambda-cyhalothrin, carbaryl, cypermethrin.

Penggunaan racun perosak hendaklah mengikut arahan pada label.

PENUAIAN

Bendi boleh dituai dengan memotong 2cm dari pangkal buah.

50 hingga 55 hari selepas menanam.

5 hingga 6 hari selepas bunga berkembang dan berlaku pendebungaan.

Buah berukuran 10 hingga 12cm panjang.

Bendi hendaklah dituai supaya pokok-pokok bendi boleh terus mengeluarkan bunga baru dan menjamin pengeluaran buah yang berterusan.

PENGENDALIAN LEPAS TUAI

Bendi yang telah dituai dikumpulkan di tempat teduh dan dimasukkan kedalam bakul yang dialas dengan kertas.

Ia boleh disimpan selama 2 hingga 3 hari tanpa dibungkus plastik.

Sedikit air perlu dipercikkan supaya pengudaraan menjadi lembap.



JABATAN PERTANIAN NEGERI PERAK

TINGKAT 6, BANGUNAN SERI PERAK, JALAN PANGLIMA BUKIT GANTANG WAHAB
30000 IPOH PERAK DARUL RIDZUAN.

TELEFON: 05-242 6176/05-254 1999, FAKS: 05-242 6177/05-255 5324

WEBSITE: www.pertanianperak.gov.my



JABATAN
PERTANIAN



Jabatan Pertanian Negeri Perak



Pertanian Perak



myDOA_Perak